

09/05/2000

Anak tempatan calon BN

M Noh Senan

SEREMBAN, Isnin - Barisan Nasional (BN) tidak akan menghampakan permintaan dan harapan rakyat, terutama pengundi kawasan Parlimen Teluk Kemang yang mahukan seorang anak tempatan dicalonkan untuk bertanding pilihan raya kecil kawasan itu pada 10 Jun depan.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad berkata, rakyat tidak perlu bimbang kerana BN memutuskan hanya calon dilahirkan di kawasan itu dipilih untuk bertanding dalam pilihan raya kecil itu.

Katanya, perkara itu sudah pun diumumkan kepada semua pemimpin, ahli dan petugas BN kawasan Teluk Kemang dalam beberapa perjumpaan yang diadakan sejak minggu lalu.

Pada perjumpaan dengan pemimpin MCA bahagian di Port Dickson Jumaat lalu, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu berkata, anak tempatan itu masih muda, berkelayakan dan mampu menjalankan tugas sebagai Ahli Parlimen yang dimahukan rakyat.

"Pemilihan calon kelahiran tempatan sudah muktamad dan tidak ada orang lain dari luar dicadangkan. Oleh kerana kerusi berkenaan adalah milik MIC, tentulah calon BN itu daripada parti berkenaan.

"Nama calon itu akan diumumkan selepas Samy Vellu mengemukakannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN dan disahkan oleh beliau," katanya.

Setakat ini, dua calon kelahiran Port Dickson disebut-sebut sebagai calon MIC dalam pilihan raya kecil itu. Mereka ialah Setiausaha Politik Samy Vellu, S Sothinathan, 40, dan Ketua Pemuda MIC Negeri Sembilan, S Sasasey, 38.

Isa yang juga Pengerusi BN negeri menyatakan demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Induk Permasalahan Sosial Negeri, di Wisma Negeri, di sini hari ini.

Sebelum ini, beberapa pihak termasuk Persatuan Penduduk Port Dickson mencadangkan BN meletakkan calon anak tempatan sebagai wakil rakyat mereka.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian S A Anpalagan, 37.

Anpalagan yang juga bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan dilahirkan di Banting dan selepas memenangi kerusi kawasan itu dalam pilihan raya umum lalu berpindah ke Port Dickson bersama keluarganya.

Mohd Isa selaku pengarah pilihan raya kecil itu berkata, nama calon berkenaan dijangka diumumkan di Port Dickson beberapa hari selepas Perhimpunan Agung Umno selesai hujung minggu ini.

Katanya, BN berpendapat adalah lebih baik pengumuman itu dibuat lebih awal bagi memberi peluang kepada calon menemui pengundi dan meninjau semua kawasan terbabit.

Isa berkata, beliau akan menemui semua pemimpin dan ahli Gerakan minggu depan dalam siri perjumpaan yang diatur menjelang pilihan raya kecil itu. Sebelum ini perjumpaan sudah diadakan dengan pemimpin Umno, MCA dan MIC.

(END)